

## **Dana Bantuan COVID-19 dan Langkah Khas Ikhlas**

Sun Life Malaysia amat komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan para Pelanggan kami. Sehubungan itu, kami telah memperluaskan lagi sokongan kami kepada para Pelanggan yang terjejas akibat COVID-19 melalui penubuhan Dana Bantuan bernilai RM1 juta. Ini adalah tambahan kepada langkah-langkah khas yang telah kami perkenalkan pada Februari 2020.

Butiran-butiran mengenainya boleh diperolehi di bawah.

### **Dana Bantuan COVID-19<sup>1</sup>**

Untuk menyediakan perlindungan terbaik kepada para Pelanggan kami, Dana Bantuan ini akan menawarkan manfaat-manfaat tambahan bagi membantu mereka yang didiagnosis COVID-19 tanpa sebarang caj tambahan. Di bawah adalah manfaat-manfaat yang disediakan dari 18 Mac hingga 31 Disember 2020<sup>1</sup>:

- 1) Manfaat Tunai Khas sebanyak RM5,000 kepada orang yang diinsuranskan / orang yang dilindungi apabila didiagnosis COVID-19 (dibayar sekali sahaja).
- 2) Manfaat Ihsan Khas<sup>2</sup> sebanyak RM7,500 apabila berlaku kematian kepada ahli keluarga terdekat akibat COVID-19.
- 3) Manfaat Kematian Khas sebanyak RM7,500 apabila berlaku kematian atas orang yang diinsuranskan / orang yang dilindungi akibat COVID-19; atau
- 4) Manfaat Kematian Khas sebanyak RM15,000 apabila berlaku kematian akibat COVID-19 bagi orang yang diinsuranskan / orang yang dilindungi yang bertugas dalam sektor perkhidmatan penting<sup>3</sup> semasa Perintah Kawalan Pergerakan.

#### *Nota-nota*

- *Manfaat-manfaat di atas adalah untuk semua orang yang diinsuranskan/orang yang dilindungi di bawah polisi/sijil Sun Life Malaysia yang sedang berkuatkuasa.*
- *Layak untuk para pelanggan baru dan sedia ada*
- *Tiada tempoh menunggu untuk manfaat-manfaat ini tetapi klausa keadaan sedia ada masih berkuat kuasa.*
- <sup>1</sup> *Tersedia dari 18 Mac hingga 30 Disember 2020 atau sehingga Dana Bantuan telah dituntut sepenuhnya, yang mana lebih dahulu.*
- <sup>2</sup> *Berkenaan untuk ahli keluarga terdekat (suami/isteri & anak-anak di bawah umur 18 tahun) orang yang diinsuranskan/orang yang dilindungi*
- <sup>3</sup> *Industri: Kakitangan Perubatan, Pejabat Penting Kerajaan, Kakitangan Lapangan Terbang, Makanan dan Logistik.*

### **Langkah Khas Ikhlas (dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020)**

- 1) Perlindungan perubatan tambahan untuk para Pelanggan yang dimasukkan ke hospital dan rawatan akibat didagnosis menghidap COVID-19.
- 2) Perlindungan dan manfaat-manfaat polisi/kontrak yang berterusan untuk mereka yang dimasukkan ke hospital dan rawatan akibat dikuarantin mengikut undang-undang.
- 3) Pengecualian tempoh menunggu 30-hari untuk membolehkan anda menikmati manfaat-manfaat polisi/kontrak\* hospital & pembedahan individu dengan serta-merta.
- 4) Perlindungan untuk semua rawatan pesakit luar bagi polisi/kontrak\* hospital dan pembedahan individu anda di mana-mana klinik/hospital berdaftar apabila diagnosis disahkan.
- 5) Pengecualian faedah untuk pinjaman premium automatik\*\*

Untuk sebarang pertanyaan, sila e-mel ke [wecare@sunlifemalaysia.com](mailto:wecare@sunlifemalaysia.com).

#### *Nota-nota*

- *Langkah-langkah di atas juga tertakluk kepada terma dan syarat polisi/kontrak anda dengan Sun Life Malaysia.*
- *Tidak berkenaan untuk para Pelanggan yang disahkan diagnosis COVID-19 sebelum permohonan produk-produk hospital & pembedahan individu.*
- \* *Senarai produk-produk hospital & pembedahan individu yang layak: Hospitalisation & Surgical Benefit Rider / Hospitalisation & Surgical Benefit Plus Rider / Takaful Hospitalisation & Surgical Benefit Rider / Prime Medi Care-i / Sinar MediXtra / Sun MaxiMed-i / Sun MediMax-i*
- \*\* *Tertakluk kepada permohonan dan kelulusan oleh Sun Life Malaysia*